

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12 / 08 / 2007

Koridor Pembangunan Sabah dilancar sebelum akhir tahun

KOTA KINABALU 11 Ogos – Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang bakal menjadi satu transformasi ekonomi bagi negeri ini akan dilancarkan sebelum akhir tahun ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut beliau, pelancaran SDC itu juga amat bermakna kerana dilakukan selepas negara menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50.

“Dengan pelancaran SDC, maka ini menandakan satu projek besar yang akan membawa satu transformasi bagi negeri ini.

“Ini (SDC) berlaku sebaik sahaja kita meraikan 50 tahun kemerdekaan negara kita,” katanya.

Abdullah berucap pada majlis makan malam meraikan beliau dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah anjuran kerajaan negeri dan Barisan Nasional (BN) Sabah di Sutera Harbour Resort, di sini malam tadi.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, menteri-menteri Kabinet negeri dan wakil parti-parti komponen BN Sabah.

Beliau yang juga Menteri Kewangan

um-12/8/2007
berkata, Sabah boleh menggunakan beberapa kelebihan dan keistimewaannya dalam membangunkan SDC.

Sebagai contoh, katanya, keindahan alam semula jadi di Sabah boleh dijadikan sumber utama untuk memajukan industri pelancongannya.

Menurutnya, ia termasuk kekayaan biodiversitinya yang boleh dimanfaatkan.

Tambah Perdana Menteri, keluasan tanah dan kawasan di sini juga mampu memberi faedah yang besar kepada SDC seperti dalam bidang pertanian dan perladangan.

Berikutan potensi itu, kata Abdullah, adalah tidak mustahil ilmu yang berkaitan seperti bioteknologi akan dimonopoli oleh rakyat Sabah.

“Bioteknologi iaitu ilmu zaman sekarang, saya percaya akan dimiliki orang Sabah dan ia (ilmu bioteknologi) secara meluas dapat digunakan untuk pembangunan ini (pertanian dan perladangan),” katanya.

Jelas beliau, pihak swasta di negeri ini perlu proaktif terlibat dalam menyumbang dan memainkan peranan untuk membantu SDC.